



TEKS UCAPAN

**MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JPPBT) 2017**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

JAM : 2.30 PETANG

TEMPAT : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)

KUALA LUMPUR

Terima kasih

Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

YBrs. Tuan Haji Zamri Bin Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

YBhg. Dato' Noor-Ihsan Bin Haji Che Mat

Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan

YBhg. Ketua-ketua Jabatan

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dipertua, Datuk-Datuk Bandar dan Pengerusi Pihak Berkuasa
Tempatan

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

1. Pertamanya saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi tahun 2017. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kerajaan Tempatan atas penganjuran mesyuarat ini.

2. Saya dimaklumkan mesyuarat ini dihadiri oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua, Pengerusi, Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan, pegawai - pegawai Bahagian Kerajaan Tempatan dari pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, wakil Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dan Sarawak. Turut hadir ialah wakil-wakil daripada agensi pusat seperti JPA, MAMPU dan Kementerian Kewangan.

3. Saya juga dimaklumkan mesyuarat pada kali ini disertai oleh para akademik dan pemain industri yang berkaliber dalam bidang masing-masing. Urusetia telah menjemput penceramah daripada Universiti Tun

Hussien Onn (UTHM), JPA, CIDB, Biro Pengaduan Awam, bahagian dan jabatan di bawah KPKT dan MN *Empire* Sdn Bhd yang akan berkongsi amalan terbaik dan pendekatan baharu untuk menambahbaik penyampaian sistem perkhidmatan di PBT.

MENANGANI CABARAN DAN PERUBAHAN

Bajet 2018

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

4. YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib bin Haji Tun Razak telah membentangkan ucapan Bajet 2018 di Parlimen pada 23 Oktober 2017 lalu. Antara lapan (8) prinsip (*touchpoint*) yang diketengahkan ialah :

- (i) Merancang pelaburan perdagangan dan industri;
- (ii) Menuju aspirasi Transformasi Nasional (TN50);
- (iii) Mengungguli pembangunan pendidikan, latihan dan kemahiran serta bakat;
- (iv) Memacu pembangunan inklusif;

- (v) Mengutamakan kesejahteraan rakyat dan peluang menjana pendapatan;
- (vi) Mempersiapkan revolusi perindustrian keempat dan ekonomi digital;
- (vii) Meningkatkan kecekapan dan penyampaian GLC dan perkhidmatan awam; dan
- (viii) Mengimbangi *Par Excellence* Duniawi dan *Excellence* Ukhrawi.

5. Oleh itu, saya merasakan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai kerajaan yang paling dekat dengan rakyat perlu menghayati Bajet 2018 yang dibentangkan ini sebagai satu (1) manifestasi Kerajaan dalam menjaga kepentingan dan kesejahteraan rakyat ke arah penzahiran aspirasi 2050.

6. KPKT juga telah memberikan peruntukan kepada PBT di seluruh Malaysia secara tahunan melalui empat(4) jenis peruntukan iaitu:

- (i) Program Pembangunan Projek BP.1 di kawasan PBT;
- (ii) Pemberian Geran Tahunan;
- (iii) Sumbangan Membantu Kadar (SMK); dan
- (iv) Peruntukan bayaran bil elektrik

Peruntukan-peruntukan yang disalurkan itu perlu dimanfaatkan sebaik mungkin agar pembangunan yang dirancang adalah tepat dan dapat dilaksanakan mengikut jadual untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

KE ARAH PBT YANG MAPAN DAN LESTARI

7. Suka saya memetik ucapan YAB Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke -15 (MAPPA Ke-15) pada 3 Oktober 2017 yang lepas. Semua penjawat awam di Kementerian dan PBT disarankan supaya berpegang kepada enam (6) falsafah dan Garis Besar Haluan Menuju TN50. Pertama, perkhidmatan awam perlu bergerak seiring bermanhajkan Maqasid Syariah dengan berpegang kepada prinsip Wasatiyyah.

8. Kedua, tahun 2017 adalah tahun penyampaian. Ini bermakna kemampuan PBT untuk menyampaikan segala projek, program dan bantuan kepada rakyat perlu diberi keutamaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat sebagai pembayar cukai. Ketiga, prinsip Wala' dan kesetiaan dalam setiap organisasi iaitu memberikan

kepatuhan dan ketaatan kepada pemimpin yang sah dan institusi kepimpinan anggota pentadbiran Kerajaan.

9. Keempat, budaya kerja di luar kelaziman iaitu bekerja melepasi kelaziman atau di luar lingkungan kotak pemikiran biasa demi keberhasilan yang luar biasa. Kelima, revolusi keempat dan Ekonomi Digital Menuju TN50 di mana dunia kontemporari kini berada dalam transisi yang menyaksikan *massive structural change* dan membawa bersamanya teknologi yang bersifat disruptif dan *breakthrough*.

10. Keenam, mengimbangi *Par Excellence* Duniawi dan *Excellence* Ukhrawi iaitu perkhidmatan awam menuju TN50 agar mencapai pengertian Al-Falah (Kebahagiaan) sebagaimana yang diseru dalam surah Al-Baqarah ayat 201. PBT perlu bijak beradaptasi dengan perubahan yang berlaku di sekeliling dan turut menjadi agen perubahan ke arah peningkatan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

11. YAB Perdana Menteri dalam perutusan khasnya melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Oktober 2017, berikutan hasil kajian **Bank Negara Malaysia (BNM)** bertajuk ***Oversupply in the Property Sector – Time for Action*** telah mengenalpasti isu lebih penawaran hartanah komersial seperti ruang pejabat, kompleks membeli-belah dan bilangan kediaman siap khususnya bagi pangsapuri dan kondominium mewah tidak terjual berada pada kadar yang membimbangkan. Memandangkan kelulusan pelaksanaan sesuatu projek adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan PBT, maka kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan PBT adalah sangat penting bagi menangani isu lebih penawaran hartanah melalui tindakan yang strategik.

12. Dalam mendepani cabaran ketidaktentuan ekonomi pada masa ini, PBT juga bersama-sama KPKT boleh menjayakan pendekatan bersifat inovatif dan tidak melibatkan perbelanjaan yang besar tetapi memberi impak kepada rakyat seperti sesi Permukiman Pegawai Bersama Pegawai-Pegawai Kanan Syarikat Berkaitan Kerajaan. Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan melaksanakan

pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk kesejahteraan rakyat.

13. Bagi tujuan ini, agensi-agensi Kerajaan hendaklah berkerjasama dengan GLC dan GLIC bagi melaksanakan program CSR yang berkaitan dengan bidang tugas serta tanggungjawab masing-masing, di mana tumpuan diberikan untuk kumpulan sasaran tertentu dan dilaksanakan di kawasan-kawasan strategik.

14. Dalam konteks ini, anggota pentadbiran dan pemimpin-pemimpin tempatan yang berkaitan boleh dilibatkan dalam pelaksanaan program PBT bagi menimbulkan *feel good factor* kepada rakyat di samping menjana impak positif kepada Kerajaan. JKT akan menyusul perkara ini bersama PBT.

15. Peranan PBT terhadap kelestarian pembangunan negara bukan hanya terletak kepada pembangunan fizikal tetapi juga melibatkan sokongan terhadap keperluan lain seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Teknologi Hijau. Sebagaimana kita sedia maklum, KPKT telah meminda Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 pada

tahun 2012 dengan 161 pindaan untuk dikuatkuasakan sewajarnya oleh PBT. Pindaan-pindaan tersebut meliputi empat (4) bahagian utama iaitu Penyelarasan Standard, Kerja Peruntuhan, Kecekapan Kenaga dan Kehendak-Kehendak Menentang Kebakaran (aktif dan pasif).

16. Seiring dengan itu, YAB Perdana Menteri telah meminta supaya Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (*Uniformed Building By-Laws*) 1984 dipinda bagi menggalakkan pembinaan berkonsepkan bangunan hijau, misalnya dengan mewajibkan penggunaan bahan binaan mesra alam, bahan penebat, *rain water harvesting* dan lain-lain sebagai syarat mandatori kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO). Selain dapat membantu mengurangkan penggunaan tenaga elektrik, bangunan hijau dapat memulihara alam sekitar dalam jangka panjang, pindaan ini menjadikan bangunan lebih sejuk dan mengurangkan kos penyelenggaraan. KPKT menyambut baik hasrat YAB Perdana Menteri dan menyarankan agar Kerajaan negeri yang belumewartakan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di peringkat PBT agar dapat berbuat demikian dengan sewajarnya.

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

17. Malaysia akan menganjurkan Persidangan *World Urban Forum* (WUF) Ke 9 pada 7 hingga 13 Februari 2018 di Kuala Lumpur *Convention Centre*. Persidangan ini merupakan acara dwi tahunan yang diadakan oleh Program Penempatan Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-HABITAT) bertujuan untuk mengkaji isu-isu mendesak yang dihadapi dunia berkaitan penempatan manusia termasuk perbandaran yang pesat dan kesannya ke atas bandar-bandar dan komuniti, kecekapan tadbir urus kerajaan tempatan, ekonomi, perubahan iklim dan dasar-dasar berkaitan perbandaran.

18. Forum ini mengumpulkan ramai pakar dari seluruh dunia dan disertai oleh para peserta luar negara dan dalam negara yang dijangka mencapai penyertaan seramai 25,000 orang peserta. WUF9 juga merupakan wacana pertama untuk membahaskan tentang pelaksanaan dan pencapaian *New Urban Agenda* yang merupakan rangka dan arah tuju kemampuan perbandaran dalam memastikan bandar-bandar bersifat inklusif, selamat, berdaya tahan dan mapan.

19. Saya menyarankan agar semua Yang Dipertua, Datuk-Datuk Bandar serta Pengerusi PBT supaya turut hadir. Saya percaya banyak manfaat dan pendedahan yang akan diperolehi melalui perkongsian

pelbagai amalan terbaik oleh PBT seluruh dunia hasil daripada penganjuran yang julung julung kali diadakan ini.

20. KPKT juga menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk mengoptimumkan kaedah pembinaan menggunakan Sistem Pembinaan Berindustri atau *Industrialised Building System (IBS)* oleh pihak swasta. Perkara ini telah diketengahkan dalam pelbagai forum dengan kerajaan-kerajaan negeri seperti Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri. Disamping menjimatkan kos penggunaan IBS ini lebih mudah, cepat, berkualiti, bersih dan selamat bagi setiap pembinaan disebabkan penghasilannya dalam keadaan terkawal (*controlled environment*) di kilang.

21. Sepertimana Yang Berbahagia Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sedia maklum, KPKT juga telah melaksanakan Inisiatif Baharu NBOS MyBN Gotong-Royong oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Oktober 2017. Inisiatif ini melibatkan 98 kawasan Parlimen dan setiap PBT yang terlibat di Parlimen tersebut perlu memastikan agar inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Justeru, saya menyeru semua PBT yang terlibat memberikan komitmen terhadap pelaksanaan program ini.

PENUTUP

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin ,Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

22. Saya yakin, dengan kerjasama semua pihak, hasrat Kerajaan untuk memperkasakan PBT bagi membolehkan PBT menawarkan perkhidmatan terbaik, dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat dapat direalisasikan dengan sokongan dan gerak kerja semua pihak. Saya berharap Mesyuarat JPPBT pada hari ini akan memberikan impak yang signifikan dalam usaha memperkasa dan melestarikan PBT untuk membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat bandar selaras dengan aspirasi TN50.

23. Untuk itu, saya dengan lafaz Bismilahir Rahmanir Rahim, dengan ini merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2017.

Sekian.

Wabillahitaufig walhidayah wassalam mualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.